



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனர்களின் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Websites:
www.consumer.org.my

Surat kepada Pengarang

24 April 2020

Carlsberg Malaysia tidak seharusnya menyertakan sebarang iklan semasa kempen pembasmian kuman di sekolah

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) ingin menyuarakan perasaan bercampur-aduk mengenai berita bahawa Carlsberg Malaysia, melalui kempen Sekolah Selamat, menaja perkhidmatan pembasmian kuman untuk 680 sekolah vernakular di zon merah Covid-19 serta menderma termometer genggam ke semua sekolah vernakular yang layak.

Dalam masa ketidakpastian ini, ia sangat penting bagi syarikat besar melakukan tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka dengan menyumbangkan sumber yang mereka anggap sesuai untuk meringankan beban yang ditanggung oleh orang ramai disebabkan oleh Covid-19. Matlamat Carlsberg Malaysia untuk meredakan kebimbangan ibu bapa dengan perkhidmatan pembasmian kuman di sekolah adalah terpuji.

Walau bagaimanapun, kami ingin mengingatkan Carlsberg Malaysia dan juga Kementerian Pendidikan bahawa syarikat itu perlu menyedari akan jenis perniagaan yang dijalankannya. Ia merupakan kilang bir yang membuat dan menjual minuman beralkohol dan masyarakat pada umumnya menganggap pengambilan minuman beralkohol sebagai satu keburukan kerana kesan negatif daripadanya.

Adalah penting bagi Carlsberg Malaysia untuk tidak menyertakan iklan produk mereka seperti kebanyakan syarikat yang sering berbuat demikian ketika menaja sesuatu perkara memandangkan mereka berurusan dengan sekolah dan pelajar. Kanak-kanak dan remaja memang sangat mudah terpengaruh dan sebab itu mereka tidak sepatutnya terdedah kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan kesan berbahaya, seperti minuman beralkohol yang dijual oleh syarikat terbabit.

MOHIDEEN ABDUL KADER
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang